



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 MEI 2024 (SABTU)

El Nino: Bekalan Lembu, Kambing Korban Mencukupi - Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	4 Mei



Bekalan lembu dan kambing bagi keperluan Aildiladha adalah mencukupi biarpun negara berhadapan cuaca panas susulan fenomena El Nino.- Gambar fail/Bername

SHAH ALAM: Bekalan lembu dan kambing bagi keperluan sambutan Aildiladha adalah mencukupi biarpun negara berhadapan cuaca panas susulan fenomena El Nino yang dijangka berlarutan hingga Julai ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata perkara itu sentiasa dipantau oleh Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Kementerian dan agensi

terlibat akan memastikan bekalan mencukupi dengan menjalankan pemantauan secara berterusan," katanya kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Parlimen Kota Raja di Seksyen 32 di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan berkata cuaca panas susulan fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka berterusan hingga Julai depan.

Menurutnya situasi

berkenaan menyaksikan beberapa kawasan terutama di Kelantan, Perlis dan Kedah akan mengalami cuaca lebih panas berbanding negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Mohamad mengakui keadaan El Nino ketika ini turut menjejaskan penanaman padi terutama di Kelantan.

Beliau berkata dengan keadaan cuaca panas dan kemarau yang berlarutan pastinya menjejaskan sumber air di sawah yang akhirnya memberi kesan kepada hasil tuaian padi di negeri itu musim ini.

Atas sebab itu, katanya Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan peruntukan tambahan RM20 juta bagi membeli kemudahan mengepam air dari sungai ke kawasan sawah padi.

Pada Khamis lepas, Perdana Menteri dilaporkan mengarahkan supaya pembelian 20 unit pam air membabitkan nilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan disegerakan berikutan negeri itu kini berdepan musim kemarau berpanjangan hingga memerlukan tindakan segera.-[ASTROAWANI](#)

Aidiladha: Bekalan Lembu, Kambing Mencukupi Walaupun Negara Terkesan El Nino - Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	4 Mei



(Gambar fail) Foto hiasan - NSTP/AMIR MAMAT

SHAH ALAM: Bekalan lembu dan kambing untuk keperluan sambutan Aidiladha adalah mencukupi walaupun negara sedang mengalami cuaca panas berikutan fenomena El Nino yang dijangka berlarutan hingga Julai depan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perkara itu sentiasa dipantau oleh Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Kementerian dan agensi

terbabit akan memastikan bekalan mencukupi dengan menjalankan pemantauan secara berterusan," katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Parlimen Kota Raja di Seksyen 32, di sini, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, dilaporkan berkata cuaca panas susulan fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini dijangka berterusan hingga Julai depan, dengan beberapa kawasan terutama di Kelantan, Perlis serta Kedah

akan mengalami cuaca lebih panas berbanding negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Mohamad mengaku keadaan El Nino ketika ini turut menjejaskan penanaman padi, terutama di Kelantan.

Katanya, keadaan cuaca panas dan kemarau yang berlarutan menjejaskan sumber air di sawah, sekaligus memberi kesan terhadap hasil tuaian padi di negeri itu pada musim ini.

Justeru, beliau berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan peruntukan tambahan RM20 juta bagi membeli kemudahan mengepam air dari sungai ke kawasan sawah padi.

Khamis lalu, Perdana Menteri dilaporkan mengarahkan pembelian 20 unit pam air bernilai RM20 juta untuk kegunaan di Kelantan, disegerakan berikutan negeri itu kini berdepan musim kemarau berpanjangan sehingga memerlukan tindakan segera.–[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR